

RANCANGAN PERNIAGAAN  
UTUSAN BAIDURI ENTERPRISE

ASAS KEUSAHAWANAN

(ETR 300)

1996



Tarikh :  
Surat Tuan : **6b September 1996**  
Surat Kami :

Km. 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka.  
Tel : No. 06 - 5591000, 5591007, 5591009  
Telefax : 06 - 5563963

**100-CM(AKA 37/B)**

**06-5591067**

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan,

Adalah dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang berikut adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, di Institut Teknologi MARA, Cawangan Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Elly Karsan	94672029
2.	Wan Amira Wan Ahmad	94546525
3.	Sahida Abd Wahid	93500804
4.	Khadijah Nordin	94596351
5.	Kamarulariffin Abdullah	94576276
6.	Zainuddin Ahmad	94518139

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan memberikan kerjasama yang diperlukan. Semua maklumat yang diterima akan digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,

**NASIR NORDIN**  
Ketua Kursus DBS  
ITM Melaka  
b/p Pengetua

# PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Utusan Baiduri Enterprise  
Diploma Pengajian Perniagaan  
Kajian Perniagaan dan Pengurusan  
Institut Teknologi Mara  
Cawangan Melaka  
KM 26 Jalan Lendu  
78000 Alor Gajah  
Melaka

---

Puan Sabariah bt Mahat  
Pensyarah ETR 300  
Institut Teknologi Mara  
Cawangan Melaka  
KM 26 Jalan Lendu  
78000 Alor Gajah  
Melaka

## **PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN UTUSAN BAIDURI ENTERPRISE**

Merujuk kepada perkara di atas, dengan ini kami ingin menyerahkan Rancangan Perniagaan bagi projek UTUSAN BAIDURI ENTERPRISE yang telah lengkap disediakan meliputi aspek-aspek yang diperlukan.

2. Rancangan Perniagaan ini menyediakan maklumat-maklumat dalam menjalankan aktiviti pengedaran produk Davisware, merangkumi segala aspek memulakan perniagaan juga aspek pentadbiran, pemasaran, operasi dan kewangan. Dengan terhasilnya Rancangan Perniagaan ini, maka kami telah menyempurnakan sebahagian daripada kertas kerja Asas Keusahawanan (ETR 300) yang mana merupakan mata pelajaran prasyarat untuk memperolehi Diploma Pengajian Perniagaan.

3. Kami juga ingin menyatakan kesanggupan dan kesediaan kami untuk menerima sebarang maklumat tambahan yang diperlukan berkaitan dengan Rancangan Perniagaan yang telah kami sediakan ini.

Kami berharap Rancangan Perniagaan ini menepati keperluan yang telah ditetapkan serta dapat mencapai objektif dan matlamat perniagaan disamping digunakan bagi sumber penyelidikan untuk usaha-usaha membuka perniagaan yang serupa dengannya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


---

(KAMARULARIFFIN B ABDULLAH)




---

(SAHIDA BT ABDUL WAHID)



---

(KHADIJAH BT NORDIN)



---

(WAN AMIRA BT WAN AHMAD)



---

(ELLY BT KARSAN)

---

(ZAINUDDIN B AHMAD)

## 1.0 PENGENALAN

Dalam masa yang singkat, negara kita telah mencapai kejayaan demi kejayaan melalui beberapa perubahan dengan penuh cabaran. Cabaran-cabaran ini memang ada kesan-kesannya dalam berbagai-bagai bentuk yang positif dan juga negatif ke atas ekonomi, politik dan kehidupan sosial masyarakat kita secara keseluruhannya.

Utusan Baiduri Enterprise telah ditubuhkan bagi menyahut cabaran-cabaran dalam perniagaan jualan langsung dan mempelbagaikan barangan kegunaan pengguna sambil berusaha membimbing usahawan baru dan bekerjasama dengan usahawan yang berpengalaman dan berwibawa untuk menjayakan satu rangkaian pemasaran yang mantap serta dapat diterima oleh semua golongan masyarakat di Malaysia.

Utusan Baiduri Enterprise yang semakin berkembang maju dan mempunyai daya saing yang tinggi dalam usaha membuka cawangannya di seluruh Malaysia. Justeru itulah kami mengambil inisiatif untuk membuka sebuah lagi cawangan Utusan Baiduri Enterprise di Bandar Melaka. Ini memandangkan kurangnya cawangan Utusan Baiduri di Melaka.

Utusan Baiduri Enterprise adalah pengeluar rangkaian barangan Davisware yang bebas dari kandungan toksik seperti seramik, bekas simpanan makanan, kegunaan sukan, kegunaan kanak-kanak dan lain-lain. Ia juga memasarkan rangkaian produk-produk Davisware yang boleh digunakan dalam Ketuhar Gelombang Mikro dan mesin cuci pinggan mangkuk.